

## IMAM SYAFIE DAN KESUNGGUHANNYA ATAS SUMBANGAN BUAT UMMAH

Dunia tidak dapat menafikan kehebatan susuk tubuh yang unggul ini. Seorang yang telah menggemparkan dunia dengan ilmu dan tintanya. Kata-katanya terbuku sejak ribuan tahun yang lalu. Ribuan para tokoh ulung lahir daripada anak-anak muridnya. Mutiara katanya umpama penawar segala kesakitan yang dihidapi. Mazhab dan pendapatnya tersebar ke serata dunia. Walaupun telah wafat di Mesir ribuan tahun yang lalu, namun namanya, ilmunya, pendapatnya, mazhabnya masih hidup segar, kekal mewangi hingga ke hari ini.

Siapakah tokoh tersebut?

Tidak lain tidak bukan, beliau ialah Muhammad bin Idris as-Syafie namanya.

Tidak wajar rasanya, untuk melangkau menyebut inti tanpa menyebut sejarah hidupnya biarpun secara ringkas. Oleh kerana tajuk yang akan kita bahaskan ini merupakan intipati keseluruhan perjalanan hidup beliau, maka itulah yang akan tertulis didalam kertas kerja ini.

Ini kerana seluruh hidupnya telah diinfakkan atas tujuan ilmu dan mengajar serta memberi manfaat kepada manusia secara keseluruhannya. Kita juga yang berada di alam nusantara ini tidak terlepas daripada menerima percikan ilmu beliau.

### KISAH KELAHIRAN IMAM SYAFIE

Beliau dilahirkan di Gaza Palestin didalam daerah Asqalan. Beliau dibesarkan dalam suku kaum ibunya dari kabilah Azdiyah yang merupakan keturunan Yaman. Tatkala usianya menjangkau dua tahun, ibunya telah berpindah bersamanya ke Mekah. Beliau berketurunan Quraisy yang dari jalur al-Muttolib. Datuk beliau merupakan salah seorang sahabat nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sejak kecil lagi, beliau telah kehilangan bapanya. Ibunyalah yang menjaga dan membesarkannya. Hidup beliau didalam keadaan serba kekurangan dan kemiskinan.

Walaupun begitu, beliau tidak diajar untuk menghina diri menjadi pengemis atau peminta sedekah dijalan. Sungguhpun demikian, walaupun hidup beliau didalam serba kekurangan, namun beliau dididik dengan didikan agama sejak kecil lagi. Tidak menghalang kemiskinan beliau untuk beliau dididik dalam agama. Tatkala anak-anak lain diupah untuk mengaji, lantaran kemiskinan, ibunya tidak mampu untuk memberi upah kepada guru untuk diajar mengaji. Namun disana ada guru yang sanggup mengajarnya tanpa sebarang upah.

### BERGURU DI MEKAH

Diriwayatkan bahawa Imam Syafie menjadi hafiz al-Quran tatkala usianya mencecah umur tujuh tahun. Sesudah itu, beliau sibuk mempelajari bahasa arab dan syair sehingga beliau ditegur oleh seorang arab badwi yang mengakibatkan beliau mula meninggalkan bahasa arab dan syair dan menghadiri kelas-kelas fiqh dan hadith di masjid-masjid.

Beliau ketika di Mekah, beliau berkesempatan berguru dengan Syeikh Khalid bin Muslim az-Zanji yang merupakan tokoh rujukan fiqh ketika itu dan juga Sufyan Ibnu Uyainah yang merupakan tokoh hadith di ketika itu. Antara gurunya yang lain ialah Ibrahim bin Yahya dan lain-lain.

Akhirnya beliau diminta berfatwa tatkala usianya pada umur 17 tahun. Ketika itu beliau telah menguasai bahasa arab, syair arab, hadith dan fiqh. Ketika itu, beliau telah menghafal al-Muwatta juga.

Setelah itu, timbul keinginan yang membuak-buak didada beliau untuk berguru dengan Imam Malik. Lantas keinginan itu disuarakan kepada Syeikh Khalid dan lantas Syeikh Khalid menyuarakan perkara tersebut kepada pemerintah Mekah ketika itu.

Akhirnya, dengan bantuan pemerintah Mekah, beliau dapat pergi ke Madinah lantas berguru dengan Imam Malik.

#### SAAT BERGURU DENGAN IMAM MALIK

Lalu, menetaplah beliau bersama Imam Malik, menuntut ilmu darinya dan dari masyaikh yang berada di Madinah hinggalah Imam Malik meninggal dunia. Dari sinilah beliau mempelajari hadith-hadith dan mazhab ahli Madinah. Tika ini, beliau masih bermazhab dengan mazhab Malik atau dikenali juga dengan nama mazhab ahli hadith, kerana ketika itu mazhab Malik mengutamakan hadith berbanding pendapat logic akal.

Ini kerana kaedah usul mazhab Imam Malik mengutamakan hadith, atsar sahabah dan juga amalan ahli Madinah. Lagipun ketika itu, hanya Madinah sahaja tempat ataupun negeri yang mana tidak dimasuki para ahli bid'ah. Hadith-hadith darinya masih suci dan bersih dari sebarang pencemaran ahli bid'ah.

Berbeza keadaannya ketika itu di sebelah Iraq, Baghdad, Kufah, Basrah, Mesir, Syria dan sebagainya. Hadith-hadith mereka tidak lepas dan tidak sunyi daripada dicemari oleh ahli bid'ah samada dari kalangan syiah, muktazilah, khawarij, qadariyah dan sebagainya. Disana hadith-hadith yang diterima, perlu disaring, ditapis dan disemak supaya benar-benar ianya hadith sahih daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

#### KESAN MAZHAB MALIKI TERHADAP HADITH MADINAH

Inilah fenomena yang berlaku didalam dunia Islam ketika itu. Begitu dahsyatnya pencemaran terhadap hadith, hinggalah Imam Malik sendiri melarang anak muridnya

termasuk Imam Syafie sendiri belajar hadith di Iraq dan mengambil sebarang hadith dari sana. Begitu juga terdapat nukilan larangan sendiri daripada Imam Syafie tentang mengambil hadith dari sana.

Kata beliau tatkala ini:

«قَالَ الشَّافِعِيُّ: كُلُّ حَدِيثٍ جَاءَ مِنَ الْعِرَاقِ، وَكَيْسَ لَهُ أَصْلٌ فِي الْحِجَازِ، فَلَا تَقْبَلُهُ، وَإِنْ كَانَ صَحِيحًا، مَا أُرِيدُ إِلَّا نَصِيحَتَكَ»<sup>1</sup>

“Setiap hadith yang datang daripada Iraq yang tiada asalnya di Hijaz (yang dimaksudkan oleh beliau ialah Madinah) maka jangan kamu menerimanya sekalipun ianya sanad yang sah, tidaklah aku berkata sedemikian melainkan hanya untuk menasihatimu”

Inilah pendapat beliau tatkala ini.

Beliau mengikuti pandangan gurunya yang amat dicintai Imam Malik bin Anas lantaran begitu dahsyat pencemaran, pemalsuan, hadith-hadith yang datang dari sana. Betapa dahsyatnya hadith selain dari Madinah menyebabkan Imam Malik tidak berguru selain daripada ahli Madinah sendiri dan tidak diketahui bahawa Imam Malik keluar daripada Madinah sehingga beliau wafat.

Ini menunjukkan konsistensi ucapan gurunya Imam Malik dengan perbuatannya.

Namun begitu, beliau berbeza dengan gurunya. Apapun, hakikat sebenarnya cara kedatangan beliau ke Iraq, tempat yang beliau tidak sangka untuk dikunjungi merupakan peristiwa yang begitu tragik sekali.

#### KISAH TRAGIK DI YAMAN

Hampir-hampir beliau ingin dibunuh ketika itu oleh khalifah, lantaran fitnah daripada wakilnya di Yaman. Beliau dituduh cubaan merampas dan menggulingkan kerajaan Yaman ketika itu bersama dengan golongan Alawiyah. Namun dengan kehendak dan izin Allah, walaupun beliau terlalu penat lantaran sehari-hari terpaksa meredahi padang pasir dengan berjalan kaki sambil dirantai, dengan kefasihan kata, akhirnya beliau diampunkan dan berjaya menerangkan hal yang sebenar kepada khalifah hingga akhirnya khalifah membebaskannya bahkan memberinya upah yang banyak.

#### BERGURU DENGAN MURID UTAMA ABU HANIFAH

---

<sup>1</sup> Siyar A'lam an-Nubala (10/24)

Dari sinilah permata beliau didalam bidang ilmu makin bersinar. Sesudah itu beliau dengan ketekunannya yang luar biasa menggarap ilmu fiqh yang bermazhab Abu Hanifah melalui anak muridnya yang utama Muhammad bin Hasan as-Syaibani. Tidak cukup semata berguru, beliau menghabiskan masa menelaah segala karya Muhammad bin Hasan as-Syaibani bagi memahami pola pemikiran ahli ra'yi (menggunakan pemikiran) yang berinduk kepada mazhab Abu Hanifah.

Di sinilah beliau mendapat beberapa permata yang berharga didalam madrasah aliran Abu Hanifah. Beliau mengetahui dengan lebih jelas, isu qias, ijtihad, istidlal hukum dan seumpamanya.

#### KELEMAHAN AHLI HADITH & PERTEMBUNGAN DENGAN AHLI RA'YI

Tatkala itu, kawasan Baghdad Iraq memang dikuasai madrasah Abu Hanifah ini yang mengutamakan logic akal atau pemikiran berbanding nas dan dalil. Ketika ini, malangnya kebanyakan ahli hadith, mereka berfikir secara literal bahkan mereka sibuk memburu sanadp-sanad yang tinggi, mencari hadith-hadith yang gharib (ganjil) dan sibuk menghafal hadith tanpa mendalami intipati hadith.

Mereka pakar didalam bidang perawi (rijal) dan sanad, tetapi buta dan tidak mementingkan matan dan intipati hadith. Hinggakan soalan-soalan hukum yang basic seperti “apa hukum air telaga yang dimasuki ayam yang menjadi bangkai?” pun malangnya tidak berjawab.

Soalan sebegini mudah, mereka tidak dapat menjawabnya kerana terlalu sibuk didalam hal-hal illah, perawi, sanad hadith yang gharib dan seumpamanya. Lantaran keadaan inilah menyebabkan madrasah aliran hadith dan madrasah aliran ra'yi (pemikiran) bertembung.

Tiada yang dapat menyatukan antara keduanya ketika ini. Ini kerana kefahaman yang berbeza, usul yang berbeza, kaedah yang berbeza yang mengakibatkan berlakunya pertembungan ini.

Adapun ketika ini, walaupun Imam Syafie sibuk membaca, mengkaji, menelaah kitab-kitab Muhammad bin Hasan, juga berguru dengan beliau, namun beliau masih memegang mazhab Maliki iaitu Mazhab Ahli Hadith. Beliau tidak terkesan dengan mazhab Abu Hanifah sekalipun beliau berguru dengan anak murid utamanya.

#### RIWAYAT DUSTA DIDALAM SEJARAH

Disana terdapat riwayat masyhur yang mengatakan bahawa beliau berguru dengan Qadhi Abu Yusuf, tetapi hakikatnya riwayat ini tidak benar. Ini kerana Qadhi Abu Yusuf telah meninggal dua tahun sebelum kedatangan Imam Syafie ke Baghdad pada kali pertama ini. Dinukil oleh al-Hafiz Ibnu Hajar didalam Tawali at-Ta'sis.

Begitu juga riwayat masyhur yang dinukil didalam kitab al-Baihaqi tentang keinginan Muhammad bin Yusuf ingin membunuhnya tatkala pada saat pertama bertemu bersama khalifah lantaran dengki. Riwayat ini juga merupakan riwayat dusta.

Ini adalah rehlah atau perjalanan beliau pada kali pertama ke Baghdad.

Kemudian, beliau pulang ke Mekah setelah habis pengajiannya pada kali ini.

Tatkala kepulangannya ke Mekah, disitulah pertama kalinya beliau membina mazhab beliau. beliau mengembangkan mazhab beliau ketika kedatangannya kali ketiga ini di Baghdad setelah beliau menghabiskan pengajian mazhab ahli Madinah dan mazhab ahli Iraq.

Bayangkan betapa dahsyatnya dan mendalamnya ilmu beliau. Bermula dengan ilmu hadith Sufyan Ibnu Uyainah dan ilmu fiqh Ibnu Juraij di Mekah. Diikuti mengambil kemuncak fiqh Hijaz bersama dengan Imam Malik. Tidak cukup dengan itu, mengambil ilmu fiqh dari mazhab ahli ra'yi ( pemikiran) di Baghdad bersama murid utama Abu Hanifah iaitu Muhammad bin Hasan as-Syaibani.

Abu Walid bin Jarud berkata: Kami bersembang-sembang bersama sahabat-sahabat kami dari ahli Mekah. Beliau berkata: “Bahawasanya Imam Syafie mengambil kitab-kitab Ibnu Juraij daripada empat orang, daripada Muslim bin Khalid dan Said bin Salim, kedua-duanya merupakan ahli fiqh.

Begitu juga mengambil daripada Abdul Majid bin Abdul Aziz bin Abi Ruwad al-Majishun yang merupakan- orang yang paling alim didalam kitab Ibnu Juraij- begitu juga dengan Abdullah bin al-Harith –orang yang paling dipercayai didalam kitab Ibnu Juraij.

Dan berakhirilah keunggulan fiqhnya di Madinah kepada Imam Malik bin Anas, beliau rehlah bersamanya, konsisten menuntut ilmu dan mengambil ilmu darinya. Begitu juga berakhir keunggulan fiqhnya di Iraq kepada Imam Abu Hanifah, beliau mengambil ilmu daripada pemilikinya Muhammad bin Hasan kesemuanya sehingga tidak tertinggal barang sedikitpun melainkan beliau telah mengambilnya.

Maka terkumpullah disisi beliau ilmu ahli ra'yi (pemikiran) dan ilmu ahli hadith lalu beliau menyusunnya satu per satu. Maka menjadilah beliau sumber segala usul, pengasas segala kaedah, dan tunduklah setiap pihak yang bersetuju mahupun berselisih lantas menaikkan popularitinya dalam urusannya dan disebut-sebut namanya lalu menjadilah beliau sepertimana demikian”<sup>2</sup>.

Maka menjadilah beliau gedung ilmu fiqh dan ilmu hadith. Tidak lagi dapat disangkal kehebatannya dan keunggulannya didalam bidang ini.

---

<sup>2</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah m/s 112-113

Tidak cukup dengan hanya sekadar mengaji, beliau juga ketika di Baghdad aktif berdiskusi, berbincang, berdebat dengan aliran-aliran ini sehingga menjadikan beliau mahir didalam kaedah usul dan furuk pelbagai aliran, tahu sumber asal dan kefahaman sumber kedua-dua aliran ini, tahu titik kekuatan dan kelemahan di kedua-dua aliran, boleh membezakan antara hujjah yang kuat dan lemah, hadith yang sahih dan dhaif, pendapat yang bermutu dan yang tidak bermutu dan pelbagai lagi ilmu yang didapati oleh beliau.

## PENYATUAN MAZHAB AHLI RA'YI DAN AHLI HADITH- SUMBANGAN TERBESAR IMAM SYAFIE DI ABAD INI

Kenapakah beliau menjadi sedemikian. Kenapakah beliau diasak sedemikian rupa?

Jawapannya: Tidak lain tidak bukan segala ilmu ini, segala diskusi, perbincangan, perdebatan tidak lain tidak bukan untuk menyediakan beliau dan mempersiapkan beliau didalam mentahqiq umat menjadi khayriyyatil ummah.

Kehebatan beliau didalam perkara ini, tidak disangkal lagi. Ketika ini ahli hadith baru bernafas dan ahli ra'yi (ppemikiran) sedikit demi sedikit terpengaruh dengan mazhab beliau. Ini kerana kehebatan beliau didalam mazhab ra'yi dan juga mazhab hadith berjaya menyatukan dua kelompok yang dulunya bertelagah.

Inilah sumbangan atau khairiyyah Imam Syafie yang terbesar buat umat ini. Berjaya menyatukan umat Islam yang saling bertentangan dengan kaedah menggabungkan usul ra'yi dengan dalil daripada hadith.

Setelah berpuluh tahun, mazhab ra'yi dengan kaedahnya, dan ahli hadith dengan caranya, akhirnya dengan kedatangan beliau, beliau berjaya menyatukan mereka dibawah mazhab beliau mazhab Syafie.

Ini kerana usul mazhab Syafie berbeza dengan mazhab-mazhab sebelum ini. Jikalau mazhab Malik lebih cenderung dan pro terhadap hadith, bahkan membuang hadith yang tiada asalnya daripada bumi Hijaz diikuti sentimen buruk terhadap mazhab Abu Hanifah kerna mereka berpegang kepada logic akal dan mengutamakan pemikiran.

Tidak lupa juga mazhab Abu Hanifah yang mengutamakan akal kerana sedikitnya hadith sahih yang tidak tercemar di bumi Iraq mengakibatkan mereka memandang lekeh ahli hadith kerana kurang kebijakan mereka dalam menggunakan fikiran di sana serta literal dan sibuk membahas isu illah, riwayat dan perkara-perkara yang tidak memberi manfaat kecuali buat penuntut ahli hadith.

Inilah hakikatnya sebenarnya yang berlaku didalam dunia Islam ketika itu.

## JASA IMAM SYAFIE TERHADAP AHLI HADITH DI IRAQ

Kemudian, dengan kedatangan Imam Syafie, dunia ilmu hadith dan para pengikutnya yang seakan tidak bermaya didalam menyelesaikan isu-isu kerumitan dalam fiqh, diterangkan dan diberi nafas baru oleh beliau.

Jikalau dahulu, mereka hanya membuat hukum berdasarkan teks luaran, kini dengan bantuan Imam Syafie, mereka nampak hala tuju mazhab ahli hadith.

Jikalau dahulu, mereka (para ahli hadith) diperlekeh kerana terpaksa mengambil pendapat mazhab ahli Ra'yi didalam isu-isu rumit fiqh akibat ketidak mampuan mereka mengkaji, memahami dan mendalami nas hadith. Hanya sekadar teks luaran atau zahir hadith sahaja, kini mereka menarik nafas lega, kerana hadith mula diambil kira dan dipandang tinggi dengan datangnya Imam Syafie.

Begitu juga, dahulu mereka terpaksa mempelajari pendapat-pendapat ahli ra'yi, terpaksa menulis kitab-kitab mereka demi usaha mereka untuk menguasai fiqh dan membantu mereka dalam menjatuhkan hukum.

Berkata Imam Ahmad bin Hanbal: “Dahulu kami berhukum didalam perkara yang berselisih berdasarkan pendapat pengikut Abu Hanifah sehingga kami melihat Imam Syafie. Beliau merupakan orang yang paling faqih (kefahaman mendalam) dikalangan manusia didalam Kitabullah dan Sunnah Rasulullah.”<sup>3</sup>

Berkata al-Hassan bin Muhammad az-Za'farani: “Dulunya para ahli hadith tertidur sehingga dikejutkan Imam Syafie, maka lantas mereka bangun”<sup>4</sup>

Berkata Imam Ahmad lagi: “Sentiasa kami sering mencela para ahli ra'yi (pemikiran) dan mereka juga saling mencela kami hinggalah Syafie datang lalu menyatukan/mempertautkan kami dengan mereka”<sup>5</sup>

Hilal bin Ala' berkata: “Ahli hadith berterima kasih ke atas Syafie kerana beliau telah membuka mangga-mangga ilmu mereka (yang terkunci)”<sup>6</sup>

Husain al-Karabisi berkata: “Kami tidak faham tentang cara istinbat (mengeluarkan sesuatu) hukum daripada kebanyakan hadith sehingga kami belajar dengan Syafie tentangnya”<sup>7</sup>

---

<sup>3</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah (127)

<sup>4</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah (131)

<sup>5</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah (131)

<sup>6</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah (132)

<sup>7</sup> Imam Syafie Faqihus Sunnah (132)

فلما اشتهرت جلاله الشافعي، رحمه الله، في العراق، وسار كره في الآفاق، وأدعن بفضلله الموافقون والمخالفون، واعترف به العلماء أجمعون، وعظمت عند الخلائق وولاة الأمور مرتبته، واستقرت عندهم جلالته وإمامته، وظهر من فضلله في مناظراته أهل العراق وغيرهم ما لم يظهر لسواه، وأظهر من بيان القواعد ومهمات الأصول ما لم يعرف لمن عداه، وامتنح في مواطن كثيرة مما لا يحصى من المسائل، فكان جوابه فيها من الصواب والسداد بالمحل الأعلى والمقام الأسنى، عكف عليه للاستفادة منه الصغار والكبار، والأئمة الأخيار من أهل الحديث والفقهاء وغيرهم، ورجع كثير منهم عن مذاهب كانوا عليها إلى مذهبه، وتمسكوا بطريقته كأبي ثور وخلائق من الأئمة، وترك كثير منهم الأخذ عن شيوخهم وكبار الأئمة لانقطاعهم إلى الشافعي حين رأوا عنده ما لا يجدون عند غيره،<sup>8</sup>

Imam Nawawi menyebutkan kesimpulan terhadap jasa besar dan kesannya Imam Syafie terhadap Iraq khususnya kepada dua pihak yang sedang rancak bertelagah ini dengan:

“Maka tatkala kemasyhuran dan keunggulan Syafie rahimahullah menguasai Iraq, lalu tersebar ke seluruh pelusuknya, telah tunduk dan akur pihak yang bersetuju mahupun yang berlawanan akan kelebihannya. Begitu juga kesemua para ulama mengiktiraf keilmuannya. Beliau menjadi agung dimata khalayak ramai dan juga dihadapan para pemimpin.

Kesemua mereka memperakui kehebatannya dan imamahnya (keunggulan ilmunya). Begitu juga telah nyata kelebihannya tatkala ber”munaqasyah” dengan ahli ilmuwan Iraq dan juga selain mereka yang mana tiada manusia sepertinya. Begitu juga, beliau menerangkan kaedah-kaedah dan usul-usul yang sangat penting yang mana sebelum ini tiada siapa mengenalinya.

Beliau juga tidak lepas daripada diuji dengan ujian yang banyak (tentang kefahaman dan ilmunya) daripada soalan-soalan isu yang tidak terkira banyaknya. Akan tetapi jawapan yang dilontarkan tidak lain tidak bukan melainkan jawapan yang paling benar, paling betul dan paling tinggi ketepatannya dan di ranking teratas.

Limpahan ilmu dari beliau, memberi faedah yang terlalu banyak samada buat ilmuwan senior lama mahupun penuntut ilmu yang baru fresh. Tidak terkecuali juga para imam-imam yang agung dari kalangan ahli fiqh, ahli hadith dan juga yang lainnya mendapat keluasan ilmunya. Begitu ramai di kalangan mereka yang menukar mazhabnya daripada pelbagai mazhab kepada mazhab beliau. seraya berpegang teguh dengan jalan mazhabnya seperti Abu Thaur dan ramai lagi dikalangan para imam. Begitu juga berapa ramai yang serta merta meninggalkan

<sup>8</sup> (تهذيب الأسماء واللغات 47-48/1)



mengambil ilmu daripada para masyaikh mereka dan ulama-ulama besar dan menumpu terus kepada Imam Syafie tatkala mereka mendapati disisi beliau terdapat ilmu yang tiada pada orang lain ( dari segi istidlal, dalil, hujjah, bukti, qarinah dan seumpamanya).”

Inilah jasa beliau yang agung, yang diingati sehingga kini. Menyatukan antara ahli fiqh hadith dan ahli fiqh ra’yi dengan menggunakan mazhabnya. Meletakkan didalam mazhabnya penghujjahan yang kuat daripada al-Quran, hadith dan athar tanpa mngesampingkan alatan ilmu ra’yi seerpti istinbat, istidlal, qiyas, ijtihad dan seumpamanya.

#### SUMBANGAN KARYA AR-RISALAH

Walaupun hanya berusia 54 tahun. Karya beliau tidak kelihatan seperti usianya. Beliau juga yang mengasaskan usul fiqh dengan mengarang ar-Risalah atas permintaan Hafiz al-Hadith di Iraq iaitu tidak lain tidak bukan Abdurrahman bin Mahdi. Ar- Risalah merupakan karya pertama yang membincangkan khusus tentang ilmu usul fiqh secara disiplin dan sistematik. Didalamnya juga terdapat teguran dan bantahan terhadap golongan Muktaizilah yang mengingkari hujjah hadith ahad secara mutlak. Begitu juga tidak lupa disentuh didalamnya disiplin ilmu hadith. Tidak lupa juga beliaulah punca utama ilmu hadith secara riwayat diperbaiki. Meletakkan syarat-syarat yang ketat pada pensahihan hadith yang kemudian ianya menjadi benchmark atau kayu ukur buat anak muridnya seperti Imam Ahmad dan selainnya.

#### KHILAF MALIK- SUMBANGAN BUAT PENTAKSUB IMAM MALIK

Walaupun beliau amat-amat mencintai gurunya Imam Malik, tetapi tatkala ketaksuban para pengikut Imam Malik semakin ketara, beliau turut mengeluarkan karyanya Khilaf Malik bagi menunjukkan setinggi-tinggi cintanya beliau terhadap guru, tetap jua hadith nabi sebagai cintanya yang utama.

Tidak mengapa berkhilaf dengan para pengikut Malik tetapi tidak mungkin bercanggah dengan hadith Rasulullah yang disepakati sahihnya.

Beliau berkata: “Saya pergi ke Mesir, dan saya tidak mengetahui bahawa Imam Malik bercanggah dengan hadith kecuali pada enam belas hadith sahaja. Maka saya mengkajinya dan apabila beliau berkata tentang asas, beliau meninggalkan cabangnya dan apabila berkata tentang cabang, beliau meninggalkan asasnya” (lantaran itu saya mengarang kitab bagi membantah khilaf ini)

Begitu juga antara sebab lain ialah apabila beliau mendengar di Andalus, mereka beristisqa’ dengan ‘bertawassul’ menggunakan songkok Imam Malik. Tatkala mereka didengarkan hadith Rasulullah (bahawa perbuatan itu bercanggah dengan hadith Istisqa’, maka mereka menjawab: “ Imam Malik berkata” lantas beliau menjawab: “Sesungguhnya

---

<sup>9</sup> Tawali at-Ta’sis (148)

Imam Malik ialah seorang manusia, boleh jadi beliau tersalah”. Rentetan itu, beliau menulis karya Khilaf Malik<sup>10</sup>.

#### SUMBANGAN BELIAU YANG LAIN

Tidak lupa juga, beliau menulis kitab “ Radd ke Atas Muhammad bin Hasan” bagi menjawab hujjah pemikiran gurunya itu. Begitu juga kitab al-Hujjah bagi qaul Qadimnya di Iraq dan al-Umm bagi Qaul Jadidnya di Mesir. Begitu juga kita “Siyar al-Auzaie” yang kesemua ini kini dihimpunkan didalam kitab al-Umm.

Beliau juga tidak lepas dari mengkritik penggunaan hadith mursal secara berleluasa hinggakan beliau mempunyai disiplin tersendiri didalam menerima dan menolak hadith mursal tatkala hadith mursal ketika itu diterima secara mutlak tanpa kompromi.

Inilah antara “ Khairiyyah” atau sumbangan beliau buat kita umat Islam yang tercinta. Betapa tawadhu,nya beliau, hinggakan inginkan kitabnya tersebar tetapi tidak dinisbahkan kepadanya.

Semoga Allah merahmati dan mencucuri atas segala jasa yang dilakukan oleh beliau. Walaupun telah wafat ribuan tahun yang lalu, namun pemikirannya, pandangannya, karyanya , mazhabnya masih hidup dan berkembang hingga kini. Begitu jua anak muridnya yang berkembang biak hingga kini. Beliau ikon didalam melawan fanatic mazhab, fanatic tokoh apabila tokoh dan mazhab tersebut bercanggah dengan firman Allah dan Hadith Rasulullah.

Alangkah malunya kita, sekiranya kita mendakwa pengikut beliau tetapi kita fanatic dan taksab terhadap mazhab dan pemikiran beliau yang bercanggah dengan firman-firman Allah dan hadith-hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana ia bertentangan dengan teras perjuangan dan matlamat beliau. Sepertimana kita mengakui beliau merupakan tokoh dan ikon didalam “memperjuangkan sunnah” begitulah jua hendaknya kita didalam perjuangan ini.

Akhirnya, itulah sedikit sebanyak coretan tentang “khairiyyatil ummah” dan aplikasinya oleh imam kami Imam Syafie Rahimahullahu Taala. Mudah-mudahan ia memberi manfaat dan kesedaran buat diri kita semua.

Rujukan:

---

<sup>10</sup> Tawali at-Ta’sis (147)

1. Al-Umm oleh Imam Syafie Cetakan Pertama 2001/1432 Dar al-Wafa' Mansoura
2. Tawali at-Ta'sis oleh Imam al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani Cetakan Pertama 1986/1406 Dar al-Kutub Ilmiyyah Lubnan
3. Siyar A'lam an-Nubala' oleh Imam az-Zahabi cetakan ke-Tiga 1985/1405 Muassasah ar-Risalah
4. As-Syafie Hayatuhu Wa Asruhu Wa Ara'uhu Wa Fiqhuhu oleh Syeikh Mustofa Abu Zahrah cetakan ke-2 Dar al-Fikr
5. Imam as-Syafie Faqihus Sunnah al-Akbar oleh Abdul Ghanie ad-Daqr cetakan ke-Enam 1996/1417 Dar al-Qalam Damsyik.